

**FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQ)
SME Go Scheme**

No. Bil.	Question Soalan	Answer Jawapan
1.	<p>What is SME Go Scheme? <i>Apakah Skim SME Go?</i></p>	<p>It is part of the Government's economic stimulus package specifically to assist contractors who have been awarded a contract from Federal or State Governments, Ministries, Departments or Agencies. The contract will be financed by SME Bank via:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ MySMEBina for construction or infrastructure contracts and/or ▪ MySMEBekal for supply or maintenance contracts <p><i>ia adalah sebahagian daripada pakej rangsangan ekonomi Kerajaan khusus untuk membantu kontraktor yang telah ditawarkan kontrak oleh Kementerian, Jabatan atau Agensi Kerajaan Pusat atau Negeri. Kontrak akan dibiayai oleh SME Bank melalui:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ <i>MySMEBina</i> untuk kontrak pembinaan atau infrastruktur dan/atau ▪ <i>MySMEBekal</i> untuk kontrak pembekalan atau penyelenggaraan.
2.	<p>Who is eligible to apply for SME Go Scheme? <i>Siapakah yang layak memohon Skim SME Go?</i></p>	<p>All G2 and G3 contractors with SME status as defined by National Entrepreneur and SME Development Council (NESDC), who have been awarded contract and meet the following criteria:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Registered with Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) or authorities/district offices (for Sabah and Sarawak); ▪ Registered with Ministry of Finance (MOF), Construction Industry Development Board (CIDB), Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) as well as other relevant licensing or registration bodies; ▪ At least 51% of shares held by Malaysian residing in Malaysia; and ▪ No legal action against the Company or any of its director/ shareholder/ partner/ owner/ guarantor under the laws of Malaysia. <p><i>Semua kontraktor G2 dan G3 bertaraf PKS seperti yang didefinisikan oleh Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan, yang telah ditawarkan kontrak dan memenuhi kriteria berikut:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ <i>Berdaftar dengan SSM atau pihak berkuasa/pejabat daerah (untuk Sabah dan Sarawak);</i> ▪ <i>Berdaftar dengan Kementerian Kewangan atau Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) atau Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) atau badan pendaftaran atau perlesenan yang berkenaan;</i> ▪ <i>Sekurang-kurangnya 51% pegangan saham dimiliki oleh warganegara Malaysia yang menetap di Malaysia; dan</i>

No. Bil.	Question Soalan	Answer Jawapan
		<ul style="list-style-type: none"> ▪ <i>Tiada tindakan undang-undang terhadap syarikat atau mana-mana pengarah/ pemegang saham/ rakan kongsi/ pemilik/ penjamin di bawah mana-mana undang-undang di Malaysia.</i>
3.	<p>What is the purpose of financing? <i>Apakah tujuan pembiayaan ini?</i></p>	<p>The purpose of the financing is for working capital requirements of the contracts. <i>Tujuan pembiayaan ini adalah untuk keperluan modal kerja bagi kontrak tersebut.</i></p>
4.	<p>What is the margin of financing? <i>Berapakah margin pembiayaan?</i></p>	<p>The margin of financing will be up to 100% of the contract cost. <i>Margin pembiayaan adalah sehingga 100% daripada kos kontrak.</i></p>
5.	<p>Does the Bank requires any collateral under SME Go Scheme? <i>Adakah pihak Bank memerlukan cagaran di bawah Skim SME Go?</i></p>	<p>No upfront collateral is required. The Bank will take assignment of contract proceeds and obtain personal or joint & several guarantees from directors/ shareholders/ partners/ owner. <i>Tiada cagaran pendahuluan diperlukan. Pihak Bank akan mengambil ikatan serah hak hasil kontrak dan mendapatkan jaminan peribadi atau jaminan bersama dan berasingan daripada pengarah/pemegang saham/rakan kongsi/pemilik.</i></p>
6.	<p>Does Advance Payment Guarantee (APG) is required by the contract awarder? <i>Adakah Wang Jaminan Pendahuluan (WJP) diperlukan oleh pihak pemberi kontrak?</i></p>	<p>Yes. The Bank will issue APG at 25% of the contract value or RM100,000 to contract awarder, whichever is lower. The issuance fee of APG will be waived. <i>Ya. Pihak Bank akan mengeluarkan WJP kepada pihak pemberi kontrak pada kadar 25% daripada nilai kontrak atau RM100,000, yang mana lebih rendah. Yuran WJP adalah dikecualikan.</i></p>
7.	<p>What is the profit rate? <i>Apakah kadar keuntungannya?</i></p>	<p>Profit rate is fixed at 7.0% p.a. <i>Kadar keuntungan adalah ditetapkan pada 7.0% setahun.</i></p>
8.	<p>What are the documents required? <i>Apakah dokumen-dokumen yang diperlukan?</i></p>	<p>Contractors are required to submit the following documents:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Photocopy of identity card of all directors/ shareholders/ partners/ owner/ guarantors. ▪ Photocopy of valid business registration such as SSM, local authorities, MOF, CIDB and PKK. ▪ Certified secretarial documents (for example Form 24, Form 49, M&A, whichever applicable). ▪ Letter of Award or Government's Indent. ▪ Notice of Assignment. ▪ Details of project cost. ▪ Certified true copy of latest 6 months bank's statements. ▪ Latest audited or management accounts.

No. Bil.	Question Soalan	Answer Jawapan
		<ul style="list-style-type: none"> ▪ Any other documents required by the Bank pertaining to the financing. <p><i>Kontraktor perlu mengemukakan dokumen-dokumen berikut:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ <i>Salinan kad pengenalan untuk semua pengarah/ pemegang saham/ rakan kongsi/ pemilik/ penjamin.</i> ▪ <i>Salinan pendaftaran perniagaan yang disahkan seperti SSM, pihak berkuasa tempatan, Kementerian Kewangan, CIDB dan PKK.</i> ▪ <i>Dokumen kesetiausahaan yang diperakui (sebagai contoh Borang 24, Borang 49, M&A, yang mana berkenaan).</i> ▪ <i>Surat Setuju Terima atau Inden Kerajaan.</i> ▪ <i>Surat Ikatan Penyerahan Hak.</i> ▪ <i>Kos projek terperinci.</i> ▪ <i>Penyata akaun bank untuk 6 bulan terakhir yang disahkan.</i> ▪ <i>Akaun beraudit terkini atau akaun pengurusan terkini.</i> ▪ <i>Lain-lain dokumen yang berkaitan dengan pembiayaan yang diperlukan oleh pihak Bank.</i>
9.	<p>How long is the approval process? <i>Berapa lamakah tempoh proses kelulusan?</i></p>	<p>4 working days from the date of full documents submitted to the Bank. <i>4 hari bekerja dari tarikh dokumen lengkap diserahkan kepada pihak Bank.</i></p>
10.	<p>What are the other costs incurred for this financing? <i>Apakah kos-kos lain yang perlu ditanggung untuk pembiayaan ini?</i></p>	<p>Documentation and stamp duty fees which will be part of the financing amount. <i>Yuran dokumentasi dan duti setem yang akan menjadi sebahagian daripada amaun pembiayaan.</i></p>
11.	<p>How does the Bank disburse the approved financing? <i>Bagaimanakah pihak Bank mengeluarkan pembiayaan yang telah diluluskan?</i></p>	<p>The financing will be disbursed directly to the suppliers or sub-contractors upon verification of invoice(s) or claim(s) submitted to the Bank. <i>Pengeluaran pembiayaan akan dibuat secara terus kepada pembekal atau sub-kontraktor setelah pengesahan terhadap invois atau tuntutan yang dikemukakan kepada pihak Bank.</i></p>
12.	<p>What will be the contract proceed payment arrangement? <i>Apakah kaedah pembayaran hasil kontrak?</i></p>	<p>The contract proceeds to be paid by awarder will be assigned to the Bank. The contract proceed will be used to set-off against the financing and the balance will be remitted to the contractor. <i>Hasil kontrak yang perlu dibayar oleh pihak pemberi kontrak akan diserahkan kepada pihak Bank. Hasil kontrak akan ditolakselesai dengan pembiayaan dan bakinya akan disalurkan kepada kontraktor.</i></p>